



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KUNJUNGAN HORMAT SETIAUSAHA AGUNG *INTERNATIONAL TRADE UNION CONGRESS* (ITUC-CSI) KEPADA KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

Putrajaya, 1 Jun – Kementerian Sumber Manusia (KSM), diwakili Dato' Sri Adenan bin Ab Rahman, Ketua Setiausaha telah menerima satu kunjungan hormat oleh Puan Sharan Burrow, Setiausaha Agung *International Trade Union Congress* (ITUC-CSI) yang beribu pejabat di Brussels, Belgium. Keberadaan Sharan di Malaysia adalah bagi menerajui *Forum Asian Wage Floor*, anjuran bersama Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) yang berlangsung di Kuala Lumpur pada 31 Mei hingga 1 Jun 2017.

Semasa kunjungan hormat tersebut, Sharan merakamkan penghargaan kepada KSM kerana turut membantu ITUC dan MTUC dalam penganjuran *Asian Wage Floor Forum*; yang telah disempurnakan perasmian oleh En Amir bin Omar, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Antarabangsa). Setiausaha Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) turut membentangkan satu kertas kerja berhubung dasar dan status gaji minimum di Malaysia.

Sharan turut memuji Malaysia kerana berjaya melaksanakan dasar gaji minimum dengan berkesan dan selanjutnya pada tahun lalu berjaya meratifikasi Konvensyen ILO No 131 : Minimum Wages Fixing Convention, 1970. Konvensyen ini merupakan suatu instrumen antarabangsa yang menggariskan kaedah penetapan gaji minimum dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya yang perlu dipatuhi oleh sesebuah negara yang meratifikasi konvensyen ini. Kerajaan Malaysia sebagai salah satu anggota ILO sebelum ini telah meratifikasi 16 Konvensyen ILO yang masih berkuat kuasa.

Dalam pada itu, turut dibincangkan adalah kajian semula undang-undang perburuhan yang sedang dilaksanakan oleh KSM; perihal perlindungan undang-undang kemalangan pekerjaan kepada pekerja; dan dasar gaji minimum negara; serta hak-hak pekerja, cabaran ekonomi dan globalisasi terhadap pekerjaan serta perlindungan sosial kepada pekerja-pekerja. Dalam hal ini, beliau berpandangan perlindungan kepada pekerja-pekerja yang '*vulnerable*' perlu dipertingkatkan agar tidak berlaku sebarang eksploitasi.

Sharan turut berharap kerjasama erat di antara Malaysia dan ITUC di peringkat antarabangsa selain memperkukuh kerjasama antara MTUC-ITUC di Malaysia.

###

**Dikeluarkan oleh:
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Sumber Manusia
1 Jun 2017**